

Satu Pengkajian Mengenai Sistem Perkahwinan di Kampung Sepri, Rembau, Negeri Sembilan

HAMIDAH BINTI ABDULLAH*

Pengenalan

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat bagaimana sistem kemasyarakatan dipraktikkan oleh masyarakat di Sepri, Rembau, Negeri Sembilan. Penekanan akan dibuat terhadap sistem perkahwinan di dalam masyarakat tersebut.

Latar Belakang Ilmu Alam

Kampung Sepri terletak kira-kira 25 km dari bandar Seremban, iaitu menuju ke arah selatan. Pekan yang paling hampir dengan Kampung Sepri ialah Pekan Pedas dan diikuti kemudian oleh Pekan Rembau. Pekan Rembau adalah bandar yang menjadi pusat unit pentadbiran daerah. Perhubungan lalu lintas di antara kampung ini dengan bandar-bandar tersebut adalah mudah kerana adanya jalan raya. Oleh yang demikian kedua-dua bandar tersebut menjadi tumpuan penduduk di Sepri untuk membeli belah dan sebagainya.

Kira-kira 5 km dari kampung ini terdapat sebatang jalan raya yang menghubungkan Selatan dengan Utara Tanah Melayu. Jalan ini melalui Pekan Pedas dan Pekan Rembau. Di utara jalan raya ini terdapat jalan keretapi yang juga menghubungkan Utara dan Selatan Tanah Melayu melalui Pekan Rembau tetapi tidak melalui Pekan Pedas. Sebenarnya Kampung Sepri terletak kira-kira 5 km dari Pekan Pedas dan yang menghubungkan antara kedua tempat ini ialah sebatang jalan raya tanah merah sahaja.

* Penulis ialah lulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Pola Perkampungan

Pola perkampungan di Sepri boleh dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu, kawasan bukit bukau, kawasan sawah padi dan perkampungan.

Kawasan bukit bukau ini merupakan tumpuan utama kepada orang kampung untuk dijadikan tempat berburu binatang seperti pelanduk, ayam denak dan burung. Ada kalanya mereka pergi ke hutan untuk mencari kayu api. Kadang-kadang kaum perempuan pergi beramai-ramai ke hutan untuk mencari pucuk-pucuk kayu yang mereka sukai, untuk dimakan sendiri atau dijual.

Di pinggir bukit terdapat kebun-kebun getah serta dusun buah-buahan kepunyaan orang-orang kampung ini. Pokok-pokok ini menghasilkan buah setahun sekali dan ianya menjadi sumber pendapatan musim kepada orang-orang kampung bila buah-buahan tersebut dijual kepada taukeh Cina.

Kawasan sawah padi pula merupakan kawasan jelapang makanan bagi penduduk-penduduk di Kampung Sepri ini.

Kawasan perkampungan terletak di kawasan tanah rendah. Kawasan ini digunakan untuk membina rumah, dan didapati kebanyakan rumah ini dibina berdekatan antara satu dengan lain mengikuti bentuk kesukaan masing-masing. Walau bagaimanapun kebanyakannya berbentuk rumah Minangkabau. Penempatan di kampung ini biasanya jenis berkelompok. Biasanya tiap-tiap satu kelompok rumah adalah untuk tiap-tiap satu suku.

Di kampung ini terdapat kira-kira 70 buah rumah, 5 buah kedai, dua buah masjid dan 4 buah surau. Di samping itu terdapat sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan, yang terdiri dari dua buah bangunan.

Untuk kemudahan ibu-ibu yang mengandung di Sepri, telah disediakan sebuah pusat kesihatan (bidan) yang dilengkapi dengan peralatan yang moden. Bekalan air dan api juga telah disediakan untuk penduduk kampung ini.

Ekonomi

Oleh kerana perhubungan orang-orang kampung ini dengan tanah sangat rapat, maka kegiatan ekonomi yang utama ialah pertanian yang masih bersifat *peasant*, dengan erti kata bahawa organisasi pengeluaran mereka adalah mudah, alat-alat yang digunakan adalah lama serta banyak menggunakan tenaga manusia. Pengeluaran adalah untuk kegunaan sendiri dan jarang sekali menggunakan tenaga yang disewa. Tenaga yang tidak cukup bagi satu-satu keluarga selalunya didapati melalui institusi menyeraya. Keluarga yang memerlukan bantuan dalam kerja tani akan meminta jiran-jiran menolong membuat kerjanya. Pertolongan yang diberikan itu biasanya tidak dibayar upah, hanya dijamu dengan makanan sahaja. Tetapi keluarga yang menerima pertolongan itu biasanya akan membalas tenaga ini dengan menolong kerja pertanian orang yang telah membantunya terlebih dahulu.

Pekerjaan utama orang kampung ini ialah menoreh getah. Pekerjaan ini adalah sumber kewangan utama mereka. Kejatuhan harga getah telah mendatangkan kesempitan hidup terutamanya bagi mereka yang mengambil upah menoreh getah. Dengan keadaan yang begitu mendesak didapati ramai di antara penduduk

kampung ini yang telah meninggalkan pekerjaan ini. Mereka mengubah haluan dengan bekerja di ladang-ladang getah kepunyaan bangsa asing, dengan mendapat upah harian sebanyak \$5.00. Di kalangan belia-belia ramai di antara mereka telah berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan yang lebih lumayan. Berikutan tindakan penduduk ini banyak getah di sekitar Kampung Sepri ditinggalkan begitu sahaja.

Selain dari menoreh getah penduduk di sini juga mengerjakan sawah padi. Pekerjaan ini telah menjadi satu pekerjaan asasi dan merupakan makanan utama mereka, tetapi hasil padi yang dikeluarkan tidaklah begitu banyak.

Ada lagi pekerjaan lain yang diusahakan oleh penduduk kampung ini seperti membuka kedai runcit, menanam sayur-sayuran dan menternak. Hasil tanaman yang berlebihan, biasanya mereka bawa ke Pekan Rembau atau ke Pekan Pedas untuk dijual.

Dari pekerjaan yang ada ini maka pendapatan mereka sudah tentu rendah, dan dengan pendapatan yang begitu sudah tentu mereka tidak dapat menyimpan dan seterusnya tidak dapat mengumpul harta. Di Sepri hampir setengah dari penduduk tidak membeli beras kerana mereka mempunyai tanah sawah sendiri.

Latar Belakang Sejarah

Berdasarkan kenyataan sejarah yang sebenarnya, tidaklah dapat dikesan tarikh dan siapa yang membuka Kampung Sepri. Tidak ada bahan dalam kampung ini yang boleh digunakan untuk mencari asas latar belakang sejarah pembukaan kampung ini. Namun adalah lebih baik jika sejarah pembukaan kampung ini dikaitkan dengan sejarah pembukaan Rembau sendiri.

Terdapat tiga riwayat mengenai pembukaan Rembau. Pertama, angkatan yang mula-mula sekali datang ke Rembau diketuai oleh seorang Batin bernama Batin Chepa iaitu adik lelaki kepada Batin Sri Bujaya. Kedua, dipercayai seorang penghulu Sakai bernama Tok Raja Di Gunung, telah menjumpai seorang kanak-kanak perempuan yang kemudiannya dijadikan anak angkat. Anak angkatnya ini kemudian dikahwinkan dengan Jaya Putera keturunan Raja-Raja Johor. Ketiga, dipercayai Batin Sekudai telah datang menduduki Rembau. Batin ini mempunyai tiga orang anak perempuan bernama Tok Mudek, Tok Mengkudu dan Tok Bungkal. Tok Mudek menjadi nenek moyang kepada Dato' Kelana Putera iaitu kepala waris di Sungai Ujong dari perkahwinannya dengan seorang lelaki dari Pesawai.

Tok Mengkudu pula berkahwin dengan seorang berketurunan Syed Alwi keturunannya inilah asal Bendahara di Pahang. Tok Bungkal berkahwin dengan Tok Lela Balang seorang ketua Minangkabau dari Suku Paya Bidara. Keturunan mereka ini seterusnya menjadi asas generasi Maharaja di Rembau.

Angkatan Minangkabau yang pertama datang ke Rembau dipercayai memudiki Sungai Rembau. Mereka telah membuka dua daerah di sebelah Baruh yang didahului oleh Tok Lela Balang yang meneroka Kampung Kota. Kemudian

diikuti oleh empat orang ketua yang membuka kampung-kampung yang jauh ke darat seperti Batu Hampar, Sungai Layang, Lubuk Rusa dan Bintungan.⁽¹⁾

Orang Minangkabau tadi di dalam kehidupan sehari-hari mereka terikat kukuh dengan adat iaitu Adat Papatih. Jadi dengan terbukanya Rembau oleh mereka secara langsung Adat Papatih dibawa bersama dan dipraktikkan oleh masyarakat setempat hingga ke hari ini.

Mereka beragama Islam dan usaha mereka mengadakan perkahwinan campur dengan orang asli yang ada di Sepri, telah menghasilkan keturunan yang terus menetap di Sepri hingga masa sekarang.

Pentadbiran Tradisi

Bagi masyarakat di pengaruhi hidupnya oleh Adat Papatih, sistem pentadbiran mereka didapati agak kompleks. Dalam kehidupan bermasyarakat mereka dipisahkan oleh satu institusi yang dikenali sebagai Suku. Tiap-tiap Suku ditadbirkan oleh seorang Lembaga yang tertakluk pula di bawah kekuasaan Undang, iaitu ketua bagi persatuan semua Suku. Di dalam Suku sendiri terdapat pula pecahan yang lebih kecil yang dinamakan Perut yang ditadbirkan pula oleh Buapak.

Rembau adalah satu Luak yang terdiri dari persekutuan 12 Suku, iaitu:

1. Biduanda (ia terbahagi dua iaitu waris Jawa dan Waris Jakun).
2. Batu Hampar
3. Paya Kumbuh
4. Mungkal
5. Tiga Nenek
6. Sri Melenggang
7. Sri Lemak
8. Batu Belang
9. Tanah Datar
10. Anak Aceh
11. Anak Melaka
12. Tiga Batu

Telah diperkatakan tiap-tiap Suku diketuai oleh seorang Lembaga. Sebenarnya Lembaga bagi tiap-tiap satu Suku tadi mempunyai gelaran masing-masing. Kedudukan Lembaga di sebelah Baruh adalah lebih tinggi dari kedudukan Lembaga di sebelah Darat. Di bawah ini diturunkan gelaran-gelaran Lembaga yang terdapat di dalam Suku-suku tadi mengikut kedudukan di Darat dan di Baruh.

1. Dari segi sejarah didapati kedudukan Lembaga Baruh mempunyai hak yang istimewa dan kuasa yang tinggi dalam adat istiadat, daripada Lembaga yang ada di Darat.

LEMBAGA YANG LAPAN

Jajahan Baruh	Suku	Jajahan Darat	Suku
Dato' Gempa Maharaja	Batu Hampar	Dato' Sri Melenggang	Paya Kumbuh
Dato' Merbangsa	Paya Kumbuh	Dato' Sinda Maharaja	Sri Lemak
Dato' Bansa Balang	Tiga Nenek	Dato' Andika	Batu Balang
Dato' Samsura Pahlawan	Mungkal	Dato' Mandalika	Sri Melenggang

LEMBAGA YANG DUA BELAS

Jajahan Baruh	Suku	Jajahan Darat	Suku
Dato' Purba	Waris Jakun, Waris Jawa	Dato' Setia Maharaja	Waris Jakun
Dato' Puteh	Batu Hampar Petani	Dato' Sutan Bendahara	Batu Hampar
Dato' Ganti Anak Maharaja	Melaka	Dato' Ngiang	Mungkal
Dato' Raja Senara	Tanah Datar	Dato' Maharaja Juanda	Tanah Datar
Dato' Lela Wangsa	Anak Aceh	Dato' Dagang	Sri Melenggang
Dato' Lela Raja	Tiga Batu	Dato' Mengkota	Sri Melenggang

Tidak semua Suku ini terdapat di Sepri. Di antara Suku-suku yang terdapat di tempat yang dikaji ialah Suku Paya Kumbuh, Batu Hampar, Biduanda, Munkal dan Sri Melenggang.

Secara keseluruhannya sistem pentadbiran yang terdapat di Negeri Sembilan terbahagi kepada enam daerah. Tiap-tiap daerah terletak di bawah pentadbiran seorang Pegawai Daerah. Daerah-daerah ini pula terbahagi kepada beberapa unit yang dipanggil Mukim dan Mukim pula mengandungi beberapa buah kampung kecil. Pentadbiran sesuatu Mukim terletak di tangan seorang Penghulu. Pada

peringkat kampung terdapat pegawai pentadbir yang terendah sekali, iaitu Ketua Kampung.

Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di kampung ialah kenduri-kendara yang biasanya dilakukan pada masa cuti sekolah. Berbagai-bagai kenduri diadakan seperti berkhatan dan nikah kahwin.

Perkahwinan Dalam Adat Papatih di Negeri Sembilan dan Di Tanah Minangkabau

Ramai pembaca terutamanya ahli sejarah menganggap masyarakat beradat papatih di Negeri Sembilan sama dengan Adat Papatih di tanah Minangkabau.

Tentang hubungan suami isteri di dalam masyarakat Minangkabau tersebut, De Moubray sependapat dengan Wilken yang mengatakan:

Married life manifest itself only in the form of visit which husband pays to his wife, assists her in her labour in the rice field, and has midday meal with her. So, day become less frequent, and he comes in the evening to his wife's house, and remain if he is a faithful husband, till the next morning Man and his wife do not form a household. On the contrary the husband continues to belong to his Suku, his kinfolk and the wife with her children to hers. The family, therefore, does not comprise husband, wife and children, but only wife (mother) with her children⁽²⁾

Setelah membaca keterangan di atas, jelas terdapat perbezaan antara kedua tempat dalam mempraktikkan Adat Papatih, terutamanya di dalam hal perkahwinan. Dalam Adat Papatih di Negeri Sembilan, setelah berkahwin, si suami akan membentuk rumahtangganya sendiri dan dia menjadi orang semenda di tempat isterinya.

Perkahwinan Cara Tradisi

Di kalangan masyarakat Melayu amnya perkahwinan dilihat dari dua segi, iaitu dari segi agama dan dari segi adat istiadat. Sebagai memenuhi tuntutan agama, sesuatu perkahwinan mesti dijalankan upacara nikah dan ini disertai pula dengan upacara-upacara lain yang dianggap penting dari segi adat seperti berinai, bersanding dan lain-lain. Di antara kedua-dua ini nikahlah yang paling mustahak dan tidak boleh tidak mesti dilakukan. Upacara-upacara yang lain pula boleh ditinggalkan jika dikehendaki. Walau bagaimanapun ahli masyarakat di sini masih lagi memberi titikberat kepada adat istiadat perkahwinan. Satu-satu perkahwinan seboleh-bolehnya akan dibuat semeriah yang mungkin, terutama jika yang berkahwin itu seorang anak perempuan.

Syed Alwi bin Syed AlHadi, menulis tentang adat resam Melayu mengatakan:

2. De Moubray, G.A. De C, *Matriachy in the Malay Peninsula and Neighbouring Countries*. Hlm. 72.

Di antara segala adat resam Melayu tidak syak lagi aturan nikah kahwin inilah yang amat diambil berat oleh orang dan mereka menjalankannya dengan cara besar-besaran. Adat peraturan nikah kahwin inilah yang paling rumit peraturannya dan berkehendakkan kepada modal yang besar atau wang yang banyak bagi menyempurnakannya dengan jaya.⁽³⁾

Perkahwinan dalam Adat Papatih bukan sahaja untuk mengikat perhubungan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan, tetapi juga berkaitan dengan berlaku perkahwinan secara kekerasan seperti terkurung, serah-menyerah atau merumah. Di dalam kes-kes ini pihak perempuan yang menjadi mangsa perkahwinan ini akan beruntung mendapat denda adat, tetapi bukan Lembaga, ibu bapa atau saudara pihak lelaki. Mengikut Adat Papatih perkahwinan hanya boleh dilakukan di antara dua Suku yang berlainan sahaja, dan jika terdapat perkahwinan sesama Suku, perlakuan itu dianggap sebagai 'sumbang'. Apabila seorang lelaki berkahwin, secara langsung ia akan berpindah tinggal bersama Suku pihak perempuan:

"Orang semenda kepada tempat semenda".

Terdapat pengecualian di dalam adat perkahwinan ini di mana dibenarkan berkahwin di dalam satu Suku misalnya, Suku Biduanda Jakun dibenarkan berkahwin dengan Suku Biduanda Jawa, dan Biduanda Dagang. Di dalam Suku Mungkal, Anak Mungkal Bukit boleh berkahwin dengan Mungkal Tebat, tetapi antara dia pecahan Bukit-Bukit dan Keling — tidak dibenarkan berkahwin. Perkahwinan mengikut sebelah bapa juga terdapat di dalam adat, iaitu bagi Suku Tiga Nenek dan Suku Paya Kumbuh Baruh.

Dikatakan tadi perkahwinan di antara sama Suku dikatakan 'sumbang'. Sebenarnya terdapat dua jenis 'sumbang' di dalam perkahwinan sesama Suku:

Pertama, sumbang sewaris, iaitu perkahwinan di antara Perut yang berlainan tetapi di dalam Suku yang sama. Seseorang yang terlibat di dalam sumbang sewaris ini akan dirampas harta pusaknya atau hukuman itu diganti dengan wang sebanyak \$14.00, beras 50 gantang dan seekor kerbau.

Kedua, sumbang sekadim, iaitu perkahwinan di dalam Perut sendiri. Sumbang sekadim ini adalah sebesar-besar kesalahan dan dianggap durhaka. Hukuman dikenakan dengan dirampas harta pusaka.

Di Kampung Sepri perkahwinan sesama suku ini tidak pernah berlaku. Tetapi di tempat-tempat lain di Rembau perkahwinan sesama suku ini pernah terjadi.⁽⁴⁾

3. Syed Alwi bin Syed AlHadi, *Adat Resan dan Adat Papatih Melayu*, Dewan Bahasa, Kuala Lumpur 1960. Hlm 20.

4. Contohnya, di Pulau Sebang ada berlaku perkahwinan sumbang sekadim. Terdapat dua perkara penting yang dijalankan, iaitu upacara adat dan upacara mengikut Hukum Islam.

Di Rembau terdapat satu kumpulan masyarakat yang tidak langsung mempunyai Suku. Mereka pada asalnya menjadi hamba raja, kemudian mereka dibebaskan oleh raja dan mereka terpaksa menumpang pada mana-mana Suku yang ada. Mereka dipandang rendah sekali, sehingga terdapat halangan-halangan dari ahli Suku untuk berkahwin dengan mereka. Biasanya jika mereka berkahwin, mereka akan mencari jodoh orang luar dari Rembau.

Pengurusan Perkahwinan

Perkahwinan biasanya diuruskan oleh keluarga kedua belah pihak, dan usaha ini dikenali sebagai kahwin adat.

Di Sepri sebagaimana juga tempat-tempat lain, terdapat lima peringkat yang utama yang harus dijalankan secara rasmi sebelum perkahwinan antara teruna dan dara dilaksanakan:

i. Pertunangan

Bila keluarga seorang lelaki merasakan sudah sampai masanya untuk menjodohkan anak mereka dan telah ada gadis yang mereka sukai, akan dihantarlah seorang saudara perempuan mereka yang rapat untuk bertanya kepada keluarga gadis tersebut. Istiadat ini dinamakan merisik dan semasa merisik akan dibawa bersama cincin bertanya.

Bagi pihak perempuan jika mereka kurang bersetuju dengan pihak lelaki yang datang meminang, mereka akan cuba menolak dengan cara yang paling manis. Berbagai-bagai alasan biasanya akan diberikan, misalnya dengan mengatakan anak mereka masih kecil untuk dikahwinkan. Selalunya wakil pihak lelaki akan terus memahaminya dan akan mengubah pokok perbualan mereka.

Sebaliknya jika pihak perempuan bersetuju, mereka akan meminta tempoh seminggu dua untuk berunding dengan ahli keluarga yang lain. Dalam masa perundingan itu, ibu si gadis akan mengumpulkan semua ahli keluarganya, terutamanya saudara lakinya yang telah berkahwin. Semasa perundingan ini cincin tanya akan dipamerkan dan sekiranya dalam masa perundingan ahli keluarga berkeras menentang, peminangan terpaksa ditolak.

Jikalau satu persetujuan yang bulat tercapai, wakil akan dihantar kepada pihak lelaki untuk menyatakan persetujuan dan juga menetapkan tarikh pertunangan yang resmi. Majlis pertunangan akan dijalankan di rumah pihak perempuan. Hantaran dari pihak lelaki termasuklah dua bentuk cincin, dan barang-barang hantaran yang lain seperti pakaian.

Selepas bertunang si lelaki dan tunangannya tidak dibenarkan terlalu sering bertemu muka. Adalah menjadi tanggungjawab keluarga pihak perempuan untuk menjaga kebebasan anaknya, supaya tidak terlalu sering kelihatan berduaan di khalayak ramai. Perkara ini harus dilakukan kerana takut pihak lelaki akan memutuskan pertunangan.

Hari perkahwinan akan diadakan enam bulan atau setahun selepas pertunangan. Tetapi jika sama-sama mencapai persetujuan, tarikh perkahwinan boleh dicepatkan atau pun dilambatkan.

Dalam pada itu pertunangan akan terputus jika didapati lelaki hilang akal, berpenyakit kusta atau mati pucuk. Jika hal ini berlaku terpaksa dipulangkan balik adat mas kahwin sebanyak \$20.00 oleh pihak perempuan. Kalau si lelaki membuat helah dengan tiada beralasan, wang adat dan mas kahwinnya akan hilang, juga cincin pertunangan dan barang-barang hantarannya. Kalau pihak perempuan pula yang membuat helah mereka terpaksa membayar kerugian pihak lelaki dengan berganda.

Jika semasa pertunangan salah seorang daripada mereka meninggal dunia, wang adat sebanyak \$20.00 akan dikembalikan kepada pihak lelaki begitu juga dengan barang-barang hantarannya.

Mengikut cara tradisi, si lelaki dan si perempuan tidak akan diberitahu mengenai persetujuan perkahwinan, ini terutamanya bagi si perempuan. Ini disebabkan perkahwinan bukan ditetapkan oleh dirinya sendiri, tetapi ditentukan oleh ibu bapanya. Biasanya si perempuan tidak akan membantah pilihan ibu bapanya. Sebaliknya sering terjadi di mana anak lelaki pergi merantau semata-mata tidak bersetuju dengan gadis pilihan keluarganya.

ii. Majlis Perkahwinan

Seminggu sebelum hari perkahwinan dijalankan akan diadakan istiadat berkampung, di mana biasanya saudara mara akan datang berkumpul. Saudara lelaki akan datang untuk membina kemah-kemah untuk kegunaan pada hari majlis perkahwinan nanti. Saudara mara perempuan pula akan datang berhimpun untuk sama-sama mencurahkan tenaga bagi 'mengacau penganan' (dòdol) dan mereka yang muda pula akan membantu membuat pelamin dan menghias tempat tidur pengantin. Dua hari sebelum hari perkahwinan bapa kepada pihak perempuan perlu memberitahu Pejabat Kadhi untuk mendapatkan borang pendaftaran dan juga persetujuan Kadhi untuk menjalankan upacara perkahwinan itu nanti.

Majlis perkahwinan biasanya akan dilangsungkan selepas musim menuai padi kerana beras diperlukan dengan banyaknya untuk melangsungkan majlis perkahwinan itu.

Di Sepri, perkahwinan biasanya akan memakan masa selama satu hari dua malam. majlis bermula pada sebelah petang bila Buapak pihak perempuan menghantar dua orang wakilnya ke rumah pihak lelaki dengan membawa tepak sirih. Tujuannya ialah untuk menjemput pengantin lelaki datang ke rumah pengantin perempuan. Setelah dijemput, pengantin lelaki disertai oleh dua orang Buapaknya dan saudara maranya akan berarak menuju ke rumah pengantin perempuan dengan diiringi oleh pukulan rebana. Sesampai sahaja di penjuruan rumah pengantin perempuan tembakan senapang atau mercun akan dilakukan menandakan bermulanya adat istiadat perkahwinan.

Orang-orang lelaki dari pihak pengantin lelaki dan Buapak akan dijemput ke anjung rumah. Di sinilah Buapak pihak lelaki akan menyerahkan mas kahwin. Mas kahwin merupakan sesuatu yang wajib di dalam Islam, di mana pengantin lelaki akan membayar kepada pengantin perempuan sejumlah wang yang telah ditetapkan, sebagai tanda pengesahan mereka telah menjadi suami isteri. Mas

kahwin itu adalah hak pengantin perempuan dan ia tidak boleh digunakan oleh orang lain.

Selepas pertemuan di antara Buapak kedua-dua belah pihak, upacara akad nikah akan dilangsungkan.

Kadhi bersama-sama dengan pengantin lelaki dan wali pengantin perempuan akan berkumpul dengan disaksikan oleh dua orang saksi. Kadhi akan membaca kutbah nikah yang terkandung di dalamnya kata nasihat kepada pengantin lelaki akan tanggungjawabnya sebagai seorang suami.

Sementara pengantin lelaki menghadiri upacara akad nikah, pengantin perempuan yang telah dihiasi dengan indah menunggu di dalam bilik dengan ditemani oleh Mak Andam, (orang yang bertanggungjawab menghiaskan pengantin perempuan). Pada malam akad nikah ini, pengantin perempuan tidak memainkan apa-apa peranan kecuali bila Kadhi datang menanyakan persetujuannya atas perkahwinan tersebut, iaitu, sebelum akad nikah dijalankan. Selepas upacara akad nikah ini, pengantin lelaki akan masuk ke dalam bilik untuk menemui pengantin perempuan, di mana dua upacara akan dijalankan. Pada upacara yang pertama pengantin lelaki akan menyarungkan cincin ke jari manis pengantin perempuan, dan pada upacara kedua pula bila pengantin perempuan mencium tangan pengantin lelaki setelah pengantin lelaki menyarungkan cincin ke jarinya.

Selepas upacara membatalkan air sembahyang majlis berinai akan dilangsungkan, di mana kerabat perempuan dari pihak pengantin lelaki akan mengenakan inai di jari tangan, tapak tangan dan tumit pengantin perempuan.

Selesai majlis berinai orang yang mengiringi pengantin lelaki akan pulang ke rumah masing-masing, tetapi pengantin lelaki akan tinggal bermalam di serambi rumah pengantin perempuan.

Esoknya ialah hari bersatu di mana ada lagi upacara yang terdapat di dalam adat istiadat yang harus dilakukan oleh kedua pihak pengantin. Pagi-pagi lagi semua saudara mara dan jiran tetangga serta suku waris yang mengadakan majlis perkahwinan akan membuat kenduri seperti menyembelih kerbau atau pun lembu untuk dihidangkan pada para tetamu yang datang pada hari tersebut. Orang yang datang menolong pada hari tersebut dikenali sebagai 'orang pangkal' dan orang yang datang meraikan perkahwinan tersebut dipanggil 'orang panggilan'. Biasanya orang panggilan perempuan akan datang dengan membawa 'boko' yang diisi dengan sedikit beras atau pun sebungkus kuih wajik, sebagai hadiah kepada keluarga pengantin.

Pada hari bersatu ini, pada waktu dinihari pengantin lelaki akan pulang semula ke rumah ibunya. Pada hari yang kedua inilah suasana yang lebih meriah akan terdapat. Pihak lelaki akan menyediakan sebuah 'nasi pancor', merupakan bunga yang dibuat dari kertas berwarna warni, kemudian diberikan tangkai dan diubah telur yang telah direbus. Tangkai-tangkai tersebut dibuat dari potongan buluh yang dibelah-belah sebesar jari kelingking. Bahagian yang tidak dibubuh bunga dan telur itu, diruncingkan dan dicucuk pada batang pisang yang ditegakkan di dalam tempat yang berisi pulut kuning. Bunga disusun bertingkat-tingkat seperti bentuk bukit.

Pada awal tengahari lagi wakil pihak perempuan akan datang menjemput pengantin lelaki dan saudara maranya. Pengantin lelaki dengan pakaian pengantin yang lengkap, sekali lagi akan diiring oleh sahabat handai dan pukulan rebana, menuju ke rumah pengantin perempuan. Bila berada kira-kira 100 kaki dari rumah pengantin perempuan, pengantin perempuan akan turun menunggu pengantin lelaki di salah sebuah dari dua buah kerusi yang telah diikatkan pada batang buluh. Kerusi ini diletakkan di tengah halaman dan dialaskan dengan kain batik ataupun dengan kain songket. Sebaik sahaja pengantin lelaki duduk di samping pengantin perempuan, kedua pengantin baru itu akan diusung dan diarak di sekeliling rumah sebanyak dua atau tiga kali. Perarakan ini hanya akan diadakan jika perkahwinan dijalankan dengan cara besar-besaran. Orang-orang yang bertugas memikul pengantin ini akan diberi upah, biasanya sebanyak \$20.00.

Pasangan pengantin ini kemudian akan dibawa naik ke atas rumah dan disandingkan di atas pelamin yang dibina khas di tengah rumah. Sebelum melalui pintu tengah rumah menuju ke pelamin, pengiring pengantin lelaki terpaksa memberi wang kepada 'hamba pintu' sebagai tanda pembuka pintu kepada pengantin. Pembayaran biasanya dikenakan sebanyak \$10.00. Semasa upacara bersanding inilah nasi pancor memainkan peranannya, di mana telur yang terdapat pada bekas nasi pancor itu akan dibahagikan kepada orang yang hadir.

Setelah semuanya selesai, pengantin lelaki dan rombongannya kembali semula ke rumah keluarganya. Persiapan selanjutnya dibuat untuk istiadat menyalang yang akan dilangsungkan pada esoknya. Malam menyediakan persediaan menyalang ini dikenali sebagai 'malam mengukus'. Pulut-pulut yang disediakan akan dibungkus dengan rapi,⁽⁵⁾ begitu juga nasi pancor yang disediakan dihias dengan indah. Pulut dan nasi pancor serta penganan merupakan barangan yang wajib bagi tiap-tiap majlis perkahwinan.

Pengantin lelaki akan kembali semula ke rumah pengantin perempuan kira-kira pukul lapan malam tersebut. Kepulangan ini dikenali sebagai 'pulang petang'. Dia akan membawa bersamanya hadiah-hadiah untuk isterinya seperti beras, ayam, kelapa dan sebagainya. ini menandakan berakhirnya hari bersatu, dan pada pandangan masyarakat pasangan tersebut sekarang dianggap sebagai suami isteri. Pada malamnya pengantin lelaki dijemput masuk ke dalam bilik pengantin untuk bersama-sama dengan isterinya buat pertama kali. Pada malam tersebut juga pengantin lelaki akan memberitahu ibu mertuanya bilangan ahli Sukunya yang akan menerima pulut pada esoknya.

5. Pulut yang disediakan merupakan pemberian pihak perempuan kepada pihak lelaki. Tujuan utamanya ialah untuk kesenangan pengantin baru tersebut. Tiap-tiap bungkus pulut tersebut akan 'dijual' oleh pihak perempuan kepada saudara mara pihak lelaki. Penjualan setiap bungkus pulut tersebut akan diganti dengan wang. Wang yang terkumpul akan diserahkan kepada pengantin baru. Istiadat ini dikenali sebagai 'memangkas'. Sudah menjadi kebiasaan kepada orang di Sepri untuk melakukan upacara ini pada tiap-tiap majlis perkahwinan, semata-mata kerana semangat tolong menolong.

iii. Menyalang

Majlis menyalang akan dijalankan di rumah pengantin lelaki. Memandangkan ibu bapa pengantin lelaki tidak hadir pada masa nikah kahwin di rumah pengantin perempuan, hari menyalang dapat memberi kesempatan kepada mereka untuk melihat anak mereka diraikan sebagai raja sehari. Pada hari menyalang ini, kaum keluarga pengantin perempuan akan menjadi tetamu terhormat bagi pihak lelaki. Pasangan pengantin tadi akan disandingkan sebagaimana di rumah pengantin perempuan tempoh hari.

Selepas menjamu tetamu, bungkusan-bungkusan pulut yang dikirimkan oleh pihak perempuan diedarkan kepada ahli-ahli Suku pengantin lelaki. Selesai istiadat menyalang, kedua pengantin dengan diiringi oleh saudara mara akan kembali ke rumah pengantin perempuan. Dengan ini akan bermulalah satu sejarah baru dalam penghidupan kedua pasangan tersebut.

iv. Berbesan

Dua atau tiga hari selepas istiadat menyalang, diadakan pula istiadat 'berbesan'. Di dalam istiadat ini kedua-dua mertua pengantin akan bertemu antara satu dengan lain. Istiadat berbesan bermula, bila ibu bapa pengantin lelaki bersama saudara mara mereka yang hampir, pergi menziarahi ibu bapa menantu mereka. Semasa menziarahi mereka membawa bersama-sama tepak sirih, pulut dan penganan atau kuih wajik.

Selepas kedatangan ibu bapa pengantin lelaki diikuti pula dengan kedatangan ibu bapa pengantin perempuan ke rumah ibu bapa menantu mereka, untuk berkenalan dengan lebih rapat dengan keluarga menantunya.

Telah diperkatakan semasa hari nikah kahwin, ibu bapa kedua-dua pengantin tidak dapat bertemu. Bila ditanya kepada orang tua-tua mengapa keadaan begitu terjadi mereka mengatakan bahawa kedua-dua pasang ibu bapa tadi tidak boleh turut serta, kerana mereka masih belum berbesan. Ini bermakna pertalian atau ikatan antara kedua keluarga tadi masih belum rasmi.

v. Menyembah

'Menyembah' ini biasanya dilakukan oleh pengantin seminggu selepas istiadat berbesan. Menyembah ialah bila kedua suami isteri tadi, pergi melawat secara bersendirian ke rumah saudara mara. Kedatangan suami isteri tadi ke rumah saudara mara pengantin perempuan dipanggil 'menyalang kecil'. Sebaliknya kedatangan mereka untuk bertemu dengan saudara mara pengantin lelaki, dikenali sebagai 'menempah jejak'.

Dalam menyalang kecil, pengantin perempuan akan memperkenalkan suaminya kepada kaum keluarganya. Semasa menyembah, mereka membawa tepak sirih dan penganan yang diletakkan di dalam 'boko' yang bertingkat-tingkat, dan bilangan bungkusan penganan bergantung kepada banyaknya rumah yang akan mereka ziarahi. Sebagai pembalasan kepada pemberian penganan itu pasangan tersebut akan dijamu dengan makanan yang enak di samping pemberian sedikit wang.

Sebagaimana dalam menyalang kecil, menempah jejak turut mengalami peristiwa yang sama. Bezanya, menempah jejak merupakan peristiwa di mana pengantin lelaki secara rasmi mengucapkan selamat tinggal kepada rumah tempat lahirnya dan kaum kerabat sesukunya. Sebagai seorang yang telah berumahtangga seharusnya dia tinggal bersama-sama dengan isterinya. Walaupun menempah jejak dikatakan memecahkan hubungan tempat tinggal, tetapi ia tidaklah memutuskan sama sekali ikatan kekeluargaan.

Dengan tamatnya istiadat menyembah ini, penyatuan di antara pasangan pengantin tadi dengan Suku pihak perempuan telah dapat disempurnakan dan diiktiraf oleh masyarakat.

Sebagai kesimpulan dapat dikatakan perkahwinan secara tradisi di dalam masyarakat Sepri dilakukan bukan sahaja selaras dengan kehendak agama tetapi juga selaras dengan kehendak adat. Bila kedua-dua perkara ini telah dilaksanakan maka sahlah hubungan jantina di antara kedua pasangan tadi. Anak yang dilahirkan akan diterima oleh masyarakat.

Sistem Kekeluargaan

Kalau dilihat sistem kekeluargaan dalam rumahtangga masyarakat Sepri dapat dibuat beberapa kesimpulan yang tertentu. Didapati masyarakat di sini lebih cenderung untuk membentuk keluarga asas ataupun membina rumah sendiri daripada tinggal bersama dengan ibu bapa mereka. Mungkin ini disebabkan mereka sudah dipengaruhi oleh nilai hidup kebandaran, di mana terdapat aspek individu di samping aspek kerjasama. Kecenderungan untuk hidup sendiri ini tidaklah pula berlaku secara spontan hingga merenggangkan hubungan antara mereka dengan ibu bapa mereka. Bahkan ibu bapa masih mempunyai hubungan atau peranan tertentu, terutamanya dalam hal yang berhubungan dengan upacara-upacara yang berkaitan dengan adat lembaga. Hubungan di antara setiap ahli keluarga di dalam sesuatu keluarga akan mewujudkan kerjasama dan persefahaman di antara mereka.

Suasana yang mesra yang terjalin di dalam hubungan suami dan isteri, seharusnya akan mempengaruhi sikap tiap-tiap anggota keluarga. Menurut pendapat beberapa orang suri rumahtangga yang ditemui, mereka mempunyai beberapa harapan terhadap seorang suami. Misalnya seorang suami harus sanggup bekerja dan mengadakan pendapatan yang cukup untuk menanggung keluarga. Suami juga harus bertanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak, bahkan seorang suami haruslah seorang yang penyabar.

Perkahwinan poligami adalah satu bentuk perkahwinan yang dibenarkan oleh agama Islam dan kadang-kadang di dalam masyarakat Melayu perbuatan demikian menunjukkan status yang tinggi kepada seseorang. Tetapi amat jarang wanita yang sanggup membenarkan suami mereka berkahwin lebih dari satu. Dalam masyarakat Sepri, perkahwinan berpoligami ini ada terdapat. Semasa penulisan ini dibuat terdapat dua keluarga yang mengamalkan poligami. Bila ditanya kepada mereka, mengapakah mereka mengamalkan poligami, mereka menyatakan mereka berbuat demikian bukanlah kerana mereka nakal, tetapi

keadaan memaksa mereka berbuat demikian. Mereka mengatakan isteri tua mereka sakit, dan sakitnya tidak dapat diubat lagi. Sebenarnya isteri tua mereka juga telah mengizinkan mereka berkahwin lagi.

Menyentuh tentang tugas di antara suami dan isteri, di dalam masyarakat Sepri biasanya pekerjaan menguruskan rumahtangga itu diserahkan kepada kaum wanita. Kaum lelaki mempunyai peranan yang utama di dalam aktiviti ekonomi. Ada juga terdapat keadaan di mana pendapatan satu-satu keluarga itu datangnyanya dari tenaga wanita. Kerjasama di antara suami dan isteri jelas dapat dilihat di dalam bidang ekonomi. Misalnya suami bekerja di luar kampung tersebut, sebagai tukang kebun, atau pembawa teksi (di Sepri dikenali sebagai teksi sapu kerana tidak terdapat sebuah teksi pun yang mempunyai lesen atau kebenaran untuk dijadikan teksi), manakala isteri pula tinggal di rumah menguruskan rumahtangga.

Bagi keluarga yang menjalankan kegiatan pertanian biasanya kedua suami isteri akan menjalankan kerja pertanian bersama-sama. Misalnya suami menoreh getah, isteri bekerja di sawah. Di waktu lapang pula suami akan turut menolong isterinya mengerjakan sawah mereka. Kadang-kadang sementara menunggu musim menuai, isteri akan bersama dengan suaminya pergi menoreh getah.

Bila kita menyentuh tentang aspek perkahwinan tidak boleh tidak kita akan menyentuh sistem panggilan antara suami dan isteri. Di dalam masyarakat Melayu kampung, sama sekali tidak akan terdapat suasana di mana seseorang isteri memanggil suaminya dengan panggilan nama sahaja. Panggilan yang biasa dari seorang isteri kepada suaminya ialah 'abang, 'abahnya' dan kadang-kadang menggunakan nama singkatan anaknya terutama nama anaknya yang tertua, misalnya 'abah Din ('bah Din') jika nama anak mereka itu Bidin. Terdapat juga seorang isteri yang memanggil suaminya 'awak'.

Suami juga mempunyai panggilan tertentu terhadap isterinya, misalnya 'emaknya', 'awak' atau pun memanggil dengan terus menggunakan nama isterinya. Dari kenyataan di atas dapat dibuat satu rumusan, iaitu tidak wujud satu sistem yang mutlak mengenai panggilan seorang suami kepada isterinya atau sebaliknya. Ia bergantung kepada kebiasaan antara pasangan tadi di dalam kehidupan mereka.

Perkahwinan di luar adat

Sebelum ini telah pun dicatatkan tentang perkahwinan masyarakat Melayu di Kampong Sepri, yang dilangsungkan selaras dengan kehendak agama dan adat istiadat. Mengikut adat, satu-satu perkahwinan haruslah dilaksanakan secara muafakat selaras dengan kehendak masyarakat, seperti terlebih dahulu diadakan istiadat meminang dan kemudian baharulah perkahwinan dilangsungkan dengan penuh meriah.

Di Sepri sebagaimana juga di seluruh Rembau perkahwinan di luar adat dinamakan sebagai 'kahwin orang berada'. Dikatakan sebagai di luar adat, kerana perkahwinan tersebut dilangsungkan tidak selaras dengan kehendak adat tetapi perkahwinan tersebut sah di sisi agama Islam.

Seseorang dikatakan melakukan perkahwinan di luar adat atau kahwin orang berada, bila dia terlibat dengan salah satu cara perkahwinan yang disebutkan ini:

i. Nikah terkurung di dalam

Perkahwinan cara ini terjadi bila didapati seorang perempuan dan seorang lelaki yang belum berkahwin, tinggal serumah dan dengan itu dianggap sumbang oleh masyarakat. Bila terjadi hal yang seperti ini adat memaksa mereka berkahwin. Setelah pasangan tadi ditangkap, perkabaran akan disampaikan kepada Lembaga kedua belah pihak. Si lelaki tidak akan dilepaskan dari kurungannya sehingga Lembaga dari pihaknya membayar adat salah-salahan itu.

Jikalau saudara mara si lelaki sengaja melengahkan membayar denda kepada Lembaga, mengikut adat, Lembaga berhak merampas harta keluarga si lelaki untuk membayar denda tersebut. Jika didapati Lembaga tidak sanggup menyempurnakan tugas pembayaran denda itu, dia dikatakan sebagai 'melindungi' dan Undang berhak memecatnya dari tugas Lembaga.

Tidak ada penetapan yang dibuat dalam pembayaran denda. Biasanya denda bukan dibayar dengan wang tunai, sebaliknya dibayar dengan kain yang ditafsirkan berharga 6 sen sehasta. Kain tersebut akan dibahagikan kepada saudara mara si perempuan dan Lembaga, dan Lembaga pula akan berbahagi dengan Buapak.

Jika keadaan memaksa si lelaki boleh meminta saudara lelakinya mewakilkannya di dalam perkahwinan tersebut. Tetapi biasanya diwajibkan lelaki yang terkurung itu sendiri menghadiri akad nikah. Si lelaki boleh menjatuhkan talak atau menceraikan isterinya pada bila-bila masa dia suka, dengan syarat dia membayar denda sebanyak 14 Maru (35 sen).

Perkahwinan cara ini pernah terjadi di Sepri tetapi di kalangan masyarakat di sini perkahwinan cara ini lebih dikenali dengan 'tangkap basah'. Pernah berlaku di mana seorang pemuda telah pergi menziarahi rumah ibu saudaranya (adik bapanya), dan dia telah bermalam di situ. Secara kebetulan ibu saudaranya itu mempunyai seorang anak gadis. Esoknya semasa ibu bapa di gadis turun ke sawah, pemuda dan di gadis tadi telah ditangkap oleh beberapa orang kampung kerana didapati berdua-duaan di dalam rumah. Ibu bapa di gadis tadi tidak dapat berbuat apa-apa kerana orang yang menangkap tadi menuduh pasangan tersebut telah berkhawat dan dengan itu telah melakukan kesalahan dari sisi masyarakat.

ii. Serah-menyerah

Bila seorang lelaki dengan berani naik ke rumah perempuan yang dia sukai, dan tidak akan turun walaupun dipaksa, kemudian ditangkap dan dikahwinkan dikatakan sebagai 'kahwin serah-menyerah'.

Perkahwinan cara ini biasanya diselesaikan oleh pihak Buapak. Dalam penyelesaiannya, si lelaki akan membayar selain dari wang adat dan mas kahwin, 'bunga pinang', iaitu pakaian sepersalinan dan juga 'kain deraan cincin'. Selalunya si lelaki bersedia membayar apa saja yang diminta oleh pihak perempuan. Perkahwinan yang mengikut adat, pembayarannya adalah tetap, sebaliknya di dalam kahwin menyerah pihak perempuan boleh mengenakan setinggi-tinggi bayaran kepada pihak lelaki. Adat menyatakan:

"Orang menyerah tanda kaya."

iii. Merumah

Di Sepri, jika terdapat seorang lelaki yang tidak mampu membayar wang adat, dia akan bertindak dengan memasuki rumah perempuan yang disukainya tanpa izin tuan rumah, dan terus membawa lari gadis yang disukainya. Perbuatan begini dinamakan 'merumah'. Perkahwinan cara begini terpaksa dilakukan di luar Kampong Sepri, umumnya, luar dari daerah Rembau.

Kerana perkahwinan ini tidak melalui apa-apa perundingan, pihak perempuan tidak akan menerima wang adat kecuali wang mas kahwin sahaja.

Adat tidak dapat campurtangan di dalam perkahwinan cara ini, kerana dari segi adat seorang lelaki boleh berkahwin dengan mana-mana perempuan yang berlainan Suku dengannya. Perbuatan merumah ini biasanya akan menemui kesusahan jika mereka tidak lari keluar negeri. Pihak perempuan boleh mengemukakan berbagai-bagai tuntutan untuk mendapatkan semula perempuan yang dilarikan. Jika pihak perempuan gagal dalam tuntutan mereka, barulah si lelaki boleh mengahwini perempuan tersebut.

iv. Nikah Sesuku

Bagi masyarakat yang Adat Papatih perkahwinan antara ahli-ahli Suku yang sama tidak diizinkan sama sekali. Jika didapati ada di antara mereka berkahwin sesama Suku biasanya denda yang berat akan dikenakan. Pasangan yang berkahwin tadi akan dihukum dibuang Suku, dan juga akan dibuang negeri. Mereka tidak akan dibenarkan pulang ke kampung mereka untuk selama-lamanya. Sebaliknya jika mereka sanggup membayar sejumlah denda yang ditetapkan mereka boleh meminta pengampunan dan memohon agar mereka dibenarkan memasuki Suku mereka semula. Untuk berbuat demikian mereka haruslah membayar denda kerbau seekor dan wang sebanyak \$50.00.

Kedudukan Harta Semasa Berkahwin

Semasa masih belum beristeri, harta yang diperolehi oleh seorang lelaki dinamakan 'harta carian bujang'. Harta ini secara langsung akan menjadi kepunyaan sukunya.

Harta yang dibawa oleh seorang lelaki ke pihak isterinya setelah dia berumahtangga, boleh dibahagikan kepada dua jenis:

i. Harta Pembawa

Merupakan harta pusaka yang diberikan oleh ibu si lelaki kepadanya. Termasuk dalam bahagian ini ialah harta carian bujang.

ii. Harta Carian suami Isteri

Iaitu harta yang dapat dikumpulkan setelah berumahtangga.

Mengenai harta carian suami isteri, jika isteri meninggal dunia terlebih dahulu, harta tersebut haruslah dipulangkan kepada anak perempuannya. Sebaliknya jika suami yang meninggal terlebih dahulu, semua harta akan terserah kepada isterinya dan seterusnya akan dimiliki oleh anak-anaknya.

Bila carian suami isteri terserah kepada anak-anak harta tersebut dari tarikh

penyerahan hingga ke masa yang akan datang, akan dikenali sebagai 'harta pusaka'.

Jikalau semasa berkahwin mereka tidak dikurniakan anak dan jika kalau salah seorang dari mereka meninggal dunia, harta carian suami isteri ini akan dibahagikan antara yang hidup dengan saudara si mati yang karib. Jika perkahwinan diakhiri dengan perceraian, harta sepencarian akan dibahagi dua.

Mengenai harta pembawa pula, jika si suami meninggal dunia harta tersebut akan dikembalikan kepada saudara sebelah ibu si suami. Peraturan ini tetap dilakukan walaupun harta tadi telah digunakan bersama dengan isterinya.

Adat menyatakan bahawa 'harta dapatan', iaitu harta yang dipunyai oleh seorang perempuan semasa dia masih belum bersuami, tidak boleh sama sekali dimiliki oleh suaminya. Si suami hanya boleh menggunakan harta tersebut hanya dengan seizin isterinya.

Lampiran 1

Di bawah ini dicatatkan susunan perkahwinan dari mula datang meminang hinggalah ke hari perkahwinan:


“Ada pun dibilang asal kata — hidup beruntungan,
mati terkemulah (hukum Allah),
Hidup dikandung adat, mati dikandung bumi,
Untung melambung, malang menimpa.

Maka teruntunglah kepada saya: Kok ini kini
masuk meyemenda saya pada Suku sianu itu;
Ada sehari dengan dua, sebulan setahun setengah;
Maka ditengok cukuplah adanya.
Berapaukupnya - seperti mertua-mantai dan ipar lamai;
Jantan ada betina ada: Yang jantan diserahkan mengaji,
yang betina diserahkan menjahit;
Datang jantan mengaji pun dapat, betina menjahit pun dapat. •
Yang jantan sampai masanya dirisik-risikkan dan diandai-andaikan;
Yang betina didengar-dengarkan dikilat-kilatkan.
Maka ditandai dengan cincin sebetuk menjadi pertanyaan.
Asa sekata berkelaluan, tidak ada sekata berkembalian.

Kok kini asalah rupanya bagi dato' semua.
Cincin diikat janji dibuat janji.
Adat tujuh hari, jauhnya dua kali tujuh hari;
Kadim dua hari, menyalang hari ketiga.

Kok kini, janji tujuh hari; cacat cida di dalam
Janji sawan gila di luar janji.
Janji dibuat dimuliakan, janji sampai ditepati.
Kok ini kini mendapati janjilah saya datang ini
disuruh tempat semenda menepati janji dahulu
suruh mengisi adat anak buah dato' semua
ke loba itu. Inilah dia saya bawakan — saya
tidak panjangkan kata, saya laksana terung,
singkap daun ambil buah saja.”

Kata-kata di atas biasanya dituturkan oleh perwakilan pihak lelaki semasa datang meminang, ke rumah pihak perempuan.

PETA DAERAH REMBAUPETUNJUK :

- -- -- -- -- SEMPADAN REMBAU SEKARANG
- o --- SEMPADAN REMBAU PURBAKALA
- xxxxxxx SEMPADAN DARAT DAN BAROH
- -- -- -- -- SEMPADAN DI DARAT

Menunjukkan Daerah Baruh dan Darat.

Bibliografi

- A. Kahar Bador, *Kinship and Marriage Among The Negeri Sembilan Malays*. M.A. Thesis (typed script), University of London.
- Ismail Ambia, *Tadbiran Adat Papatih Negeri Sembilan*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1959.
- Syed Alwi bin Syed AlHadi, *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. DBP Kuala Lumpur 1960.
- E.N. Taylor, 'The Customary Law of Rembau,' *JMBRAS*, Ogos 1929.
- M. Lister, 'Malay Lai In Negeri Sembilan'. *JMBRAS* Dec. 1890.
- _____, 'The Negeri sembilan, Their Origin and Constitution'. *JMBRAS* 1887.
- Josselin de Yong, *Minangkabau and Negeri Sembilan*. The Haguw, Nijhoff. 1952.
- De Moubray, G.A. de C, *Matriachy In The Malays Peninsula and Neighbouring Countries*. George Routledge and Sons Limited 1931.
- Winstedt, 'Some Rembau Customary Sayings'. *JMBRAS* Nov. 1928.